

RAMIL TABLET

Ramipril (5mg, 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ramil
2. Bagaimana Ramil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ramil
4. Cara menggunakan Ramil
5. Semasa menggunakan Ramil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ramil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Ramil

Ramipril adalah kandungan aktif dalam Ramil. Ia tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *ACE inhibitor*.

Ramil boleh digunakan untuk:

- Rawatan tekanan darah tinggi
- Mengurangkan risiko penyakit jantung atau strok
- Rawatan jantung apabila jantung anda tidak dapat mengepam darah yang mencukupi ke seluruh badan anda (kegagalan jantung)
- Rawatan serangan jantung komplikasi dengan kegagalan jantung.

2. Bagaimana Ramil berfungsi

- Mengurangkan penghasilan satu bahan dalam badan yang akan menyebabkan tekanan darah anda meningkat
- Mengendur dan melebarkan saluran darah anda
- Jantung anda boleh mengepam darah ke seluruh badan dengan lebih senang

3. Sebelum menggunakan Ramil

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Ramil jika anda:

- Alah terhadap Ramipril atau ubat ACE inhibitor yang lain atau apa-apa kandungan dalam ubat ini.
- Pernah menghidapi alahan serius yang dikenali sebagai “*angioedema*”
- Sedang menerima dialisis atau apa-apa jenis penapisan darah. Ini

bergantung kepada jenis mesin yang digunakan, Ramil mungkin tidak sesuai untuk anda

- Mempunyai penyakit ginjal di mana pembekalan darah ke buah pinggang mengurang
- Hamil atau menyusu bayi
- Mempunyai takanan darah yang rendah atau tidak stabil. Doktor anda akan membuat penilaian ini

- Sebelum anda mula menggunakan Ramil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Ramil jika anda:

- Mempunyai penyakit jantung, hati atau buah pinggang
- Telah hilang banyak cecair atau garam dalam badan
- Akan menjalankan rawatan alahan atau sengatan lebah
- Akan menerima rawatan anestetik
- Mempunyai kandungan kalium yang tinggi dalam badan
- Mempunyai penyakit kolagen vaskular seperti *scleroderma* atau sistemik lupus eritematosus
- Hamil

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi (termasuk ubat tradisional). Ramil akan menjelaskan cara ubat lain berfungsi.

Ubat yang boleh mengurangkan fungsi Ramil:

- Ubat untuk melegakan kesakitan dan keradangan seperti ibuprofen dan aspirin
- Ubat untuk rawatan tekanan darah rendah, kejutan, kegagalan jantung, asma atau alahan seperti ephedrine, noradrenaline atau adrenaline

Ubat yang mana kesan ubatnya akan terubah atau memberi kesan-kesan sampingan jika diambil dengan Ramil:

- Ubat untuk melegakan kesakitan dan keradagan
- Ubat untuk rawatan kanser

- Ubat untuk menghentikan penolakan organ selepas pemindahan organ seperti ciclosporin
- Diuretik seperti furosemide
- Ubat yang boleh meningkatkan jumlah kalium di badan
- Ubatan steroid untuk keradangan seperti prednisolone
- Allopurinol (untuk merendahkan asid urik dalam badan)
- Procainamide (untuk masalah rentak jantung)

4. Cara menggunakan Ramil

- Berapa banyak harus digunakan

Hanya ambil Ramil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. Tablet Ramil boleh dibahagikan kepada dua. Jangan mengunyah atau menghancurkan tablet.

- Bila perlu digunakan

Makan Ramil secara oral pada masa yang tetap setiap hari. Telan Ramil dengan sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ gelas air.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Ramil selagi doktor anda menasihatkan anda untuk mengambil.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan ubat, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom pengambilan dos berlebihan adalah tekanan darah rendah, kejutan, kadar jantung yang perlahan, gangguan elektrolit dan kegagalan ginjal.

5. Semasa menggunakan Ramil

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil atau menjadi hamil semasa mengambil Ramil, berhenti mengambil Ramil dan beritahu kepada doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin. Anda tidak harus mengambil Ramil semasa hamil atau menyusukan bayi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak patut memandu atau mengendalikan jentera semasa anda bermula mengambil Ramil atau bermula mengambil dos yang tinggi. Anda mungkin akan berasa pening.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ramil mengandungi laktosa. Jika doktor anda pernah memberitahu anda mempunyai intoleransi gula, hubungi doktor anda sebelum ambil ubat uni.

6. Kesan-kesan sampingan

Berhenti mengambil Ramil dan jumpa doktor anda dengan segera jika anda perasan mana-mana kesan sampingan yang serius seperti yang berikut:

- Bengkak di muka, bibir atau tekak yang mengakibatkan kesukaran menelan atau bernafas dan juga kegatalan dan ruam.
- Penyakit kulit yang serius, termasuk ruam, ulcer dalam mulut, penyakit kulit sedia ada yang semakin teruk, kemerahan, melepuh atau pemisahan kulit (seperti *Stevens-Johnson syndrome*, toksik epidermis nekrolisis atau *erythema multiforme*)

Hubungi doktor anda jika anda mengalami:

- Kadar jantung yang lebih cepat, denyutan jantung yang tidak sekata, sakit dada, sesak dada atau masalah yang lebih serius seperti serangan jantung atau strok
- Sesak nafas atau batuk
- Lebam dengan lebih mudah, pendarahan lebih lama dari biasa, mempunyai tanda-tanda pendarahan, tompokan ungu pada kulit atau lebih mudah mendapat jangkitan dari biasa, sakit tekak dan demam, rasa

letih, pengsan, pening atau mempunyai kulit pucat

- Sakit perut yang teruk
- Demam, menggilir, keletihan, hilang selera makan, sakit perut, rasa sakit, kuning kulit atau mata (jaundis)

Jika anda mengalami kesan-kesan sampingan selain yang disenaraikan, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*)

7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ramil

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan Ramil selepas tarikh luput yang tercatat pada label dan blister. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

Simpan pada suhu di bawah 25°C dalam bungkusas asal.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ramil 5mg: warna merah jambu, berbentuk kapsul, tidak bersalut, tablet rata, 8.8 x 4.4 mm, mempunyai garis skor pada satu permukaan dan sebelah tepi, bertanda R3

Ramil 10mg: Warna putih, berbentuk kapsul, tidak bersalut, tablet rata, 11.0 x 5.5 mm, garis skor pada satu permukaan dan sebelah tepi, bertanda R4

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Ramil 5mg mengandungi 5mg ramlipril
- Ramil 10mg mengandungi 10mg ramlipril

- Bahan tidak aktif

Croscarmellose sodium, ethanol, pregelatinized starch, sodium stearyl fumarate, lactose monohydrate, sodium hydrogen carbonate, iron oxide yellow (Ramil 5mg), iron oxide red (Ramil 5mg)

- Nombor MAL

Ramil 5mg : MAL12060001A

Ramil 10mg : MAL12060002A

9. Pengilang

Actavis hf., Reykjavikurvegur 78, IS-220 Hafnarfjörður, Iceland.

Pemegang Pendaftaran Produk

MILRIN PHARMACEUTICAL CO. (M) SDN. BHD.

125L, 5th Floor, Wisma Getah, Macalister Road, 10400 Penang, Malaysia.

Tel: 04-2286042, 2286741, 2288644

Fax: 04-2280757

10. Tarikh kemaskini RiMUP

11/9/2014

Nombor Siri

BPFK(R4/1)110914/00016